

Pertubuhan Islam AS mohon temui Dr M

Daripada Mior Kamarulbaid BH -1 SEP. 2000

CHICAGO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan tiba di sini esok bagi memulakan lawatan tiga hari ke sini, menerima permintaan daripada beberapa pemimpin pertubuhan ma'lis Islam berpengaruh di Amerika Syarikat untuk mengadakan pertemuan.

Permintaan itu sedang diuruskan oleh Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Ghazzali Sheikh Khalid bagi membolehkan Dr Mahathir berbincang mengenai pelbagai perkara yang menyentuh soal kepentingan masyarakat dan negara Islam.

Antara mereka yang memohon untuk mengadakan pertemuan itu ialah 15 wakil dan pemimpin daripada syarikat terkemuka dan sebuah pertubuhan yang mewakili kira-kira 300,000 umat Islam.

Setibanya di sini, Dr Mahathir terus mengadakan pertemuan dengan Majlis Perniagaan Asean-Amerika Syarikat.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir yang berada di sini bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, akan menerima anugerah kepemimpinan contoh (Lariba) old American Finance House (AFH) di Pusat Kebudayaan Islam, Northbrook.

Lariba ialah singkatan kepada *Los Angeles Reliable Investment Bankers Associates*.

Anugerah Lariba adalah sebagai mengiktiraf sumbangan Dr Mahathir dalam merangka hala tuju baru pembangunan ekonomi, dasar kewangan, kepelbagaian budaya dan persefahaman kaum.

Keesokannya, Dr Mahathir akan mengadakan lawatan ke Motorola Centre di Schaumburg yang mana beliau akan menyaksikan demonstrasi keluaran baru syarikat itu.

Pada sebelah petang dan Ahad, beliau akan bertemu pemimpin persatuan dan majlis Islam, termasuk peneraju syarikat pelbagai bidang. Dr Mahathir juga

akan mengadakan dialog dengan ahli-ahli teknologi dan pemodal Amerika Syarikat.

Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan dengan pelajar Malaysia di Amerika Syarikat. Di negara ini ada 6,677 pelajar yang menuntut dalam pelbagai jurusan pengajian yang mana 619 adalah pelajar tajaan manakala selebihnya pelajaran biaya persendirian.

Sebelum berlepas ke New York pada sebelah malamnya, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Syarikat Raytheon Aircraft, Hansel Tookes. Beliau juga akan bertemu seorang lagi pemimpin sebuah lagi majlis Islam Amerika Syarikat dan dua ahli kongres yang masing-masing mewakili parti Democrat dan Republican.

Dr Mahathir dan isteri juga akan menghadiri majlis sambutan Hari Kebangsaan yang akan dihadiri masyarakat Malaysia di Amerika Syarikat.